

ملتقى
سلطان شرف الدين إدريس شاه الثالث

PERANAN DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SELANGOR DALAM MEMPERKASA INSTITUSI FATWA DAN MEMARTABATKAN UNDANG-UNDANG ISLAM

Oleh :

Yang Amat Dihormati Tan Sri Dato' Setia Mohd Zawawi bin Salleh
Ahli Dewan Diraja Selangor
Anggota Majlis Agama Islam Selangor

JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR

DENGAN KERJASAMA:

Majlis Agama Islam Selangor

IKIM Hub

LEMBAGA ZAKAT SELANGOR
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

MediaSelangor

PERANAN DYMM SULTAN SELANGOR DALAM MEMPERKASA INSTITUSI FATWA DAN MEMARTABATKAN UNDANG-UNDANG ISLAM

Pembentang: Tan Sri Dato' Setia Mohd Zawawi Salleh, Anggota MAIS

Pendahuluan

Kertas kerja ini akan cuba membentangkan peranan dan sumbangan DYMM Sultan Selangor (selepas ini disebut "Tuanku") sebagai Ketua Agama Islam Negeri dalam memperkasa institusi fatwa dan memartabatkan undang-undang dan pentadbiran Islam di negeri Selangor.

Maklumat atau fakta yang terdapat dalam kertas ini adalah berdasarkan interaksi peribadi saya dengan Tuanku ketika bertugas sebagai Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor [01.01. 1999-16.06.2003], Ahli Dewan di-Raja Selangor [01.12.2022-sekarang], Wakil Negeri Selangor dalam Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI) [2023-sekarang], Anggota Majlis Agama Islam Selangor [07.03.2025-sekarang] dan berdasarkan maklumat sekunder (secondary information) yang terdapat dalam Penyataan Media Tuanku yang disiarkan melalui Selangor Royal Office, akhbar-akhbar, berita dalam talian dan portal.

Kerangka Undang-Undang

Perkara XLVII (47) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959 (UUTKS, 1959) mengisytiharkan Islam sebagai agama Negeri dan semua agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai. Perkara XLVII (48) UUTKS, 1959 dan Perkara 3 (2) Perlembagaan Persekutuan (PP) pula menetapkan Tuanku sebagai Ketua Agama Negeri.

Dengan membaca secara bersama peruntukan-peruntukan PP dan UUTKS, 1959, implikasi utama kedudukan agama Islam sebagai negeri antara lain ialah kerajaan negeri mempunyai kuasa untuk menggunakan peruntukan dana awam untuk menubuhkan, menyokong serta menyenggara institusi-institusi Islam seperti Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Jabatan Mufti Negeri Selangor (JMNS), Mahkamah Syariah, masjid, institusi pendidikan Islam, membiayai aktiviti dakwah dan lain-lain (Perkara 12(2) PP).

Implikasi utama penetapan Tuanku sebagai Ketua Agama Islam Negeri ialah baginda boleh mentadbir hal ehwal agama Islam di negerinya mengikut budi bicara tanpa terikat dengan nasihat daripada Menteri Besar atau Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MKN). [Perkara LV (2) (55(2) UUTKS, 1959].

Dalam melaksanakan fungsi baginda dalam semua perkara yang berhubung dengan hal ehwal agama negeri, baginda dibantu dan dinasihati oleh MAIS dan berhubung dengan semua perkara Hukum Syarak, baginda dibantu dan dinasihati oleh Mufti.

Kedudukan ini merupakan satu perkara yang unik dalam sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan dimana pada prinsipnya Sultan/Raja adalah Ketua Negeri dan Menteri Besar adalah Ketua Kerajaan. Sultan/Raja adalah dikehendaki bertindak atas nasihat Menteri Besar atau MKN.

Perlu ditekankan bahawa Tuanku sebagai Ketua Agama Islam Negeri mempunyai kuasa mutlak, eksklusif dan tidak terikat dengan nasihat yang diberikan oleh MAIS dan Mufti dalam mentadbir hal ehwal agama Islam di negeri Selangor. Ini adalah kerana seperti yang dinyatakan sebelum ini, Tuanku boleh mentadbir/mengawal selia semua perkara berhubung dengan hal ehwal agama Islam mengikut budi bicaranya. Ini diperkukuh oleh peruntukan Perkara XCVI (96) UUTNS, 1956 yang menyatakan bahawa segala kuasa, hak istimewa dan kedaulatan Sultan Selangor kekal terpelihara dan tidak terjejas oleh fasal-fasal lain dalam UUTNS, 1956.

Pendekatan Tuanku dalam Mentadbir/Mengawal selia Hal Ehwal Agama Islam

Tuanku merupakan seorang yang berpengalaman dalam semua seluk-beluk pengurusan dan pentadbiran negeri, termasuk pentadbiran hal ehwal agama Islam kerana baginda telah memegang jawatan sebagai Raja Muda Selangor sejak bulan September 1960 dan telah memerintah sebagai Sultan Selangor selama 25 tahun. Tuanku telah didedahkan dengan pentadbiran kerajaan negeri selama 41 tahun.

Tuanku memang terkenal sebagai seorang Sultan yang sangat minat membaca pelbagai jenis buku. Kegemaran membaca ini banyak mempengaruhi gaya kepimpinan baginda. Baginda memiliki koleksi ribuan buku khususnya sejarah Malaysia, Selangor dan ketenteraan. Baginda juga mempunyai pengetahuan luas tentang sejarah Palestin, Kerajaan Uthmaniyah di Turki dan Kerajaan Islam di Sepanyol (Andalusia). Baginda juga menyimpan minat yang mendalam terhadap sastera Nusantara terutama penulisan tokoh ulama ulung, Buya Hamka.

Tuanku tidak mengambil pendekatan bahawa kuasa dan fungsi baginda sebagai Ketua Agama Islam Negeri hanyalah bersifat simbolik atau ritual malah peranan yang telah dimainkan oleh baginda adalah bersifat proaktif, praktikal, profesional dan mempunyai kesan strategik jangka pendek dan panjang untuk kebaikan orang Islam di negeri Selangor. Baginda terlibat secara menyeluruh dalam pengurusan hal ehwal agama Islam termasuk pembentukan/perumusan dasar dan pengawasan terhadap pelaksanaan dasar yang telah ditetapkan.

Tuanku selalu menyebut bahawa selepas terhapusnya sistem pemerintahan khilafah di dunia Islam, tiada lagi institusi politik Islam berpusat. Dalam hal demikian, khutbah dan fatwa merupakan dua wadah (instrumen) utama untuk membimbing, mendidik, menasihati dan menyatu padukan umat Islam.

Sejauh mengenai institusi fatwa, ia berfungsi untuk membuat penentuan dan memberikan panduan Hukum Syarak yang jelas terhadap persoalan kontemporari yang belum ada pada masa lalu dan tidak dibincang dalam teks klasik. Banyak isu baru yang memerlukan penentuan dari segi Hukum Syarak seperti teknologi digital, sains, ekonomi moden (perbankan islam, fintech/kripto) dan isu medis (transplantasi organ, bayi tabung) dan lain-lain.

Selanjutnya, institusi fatwa diperlukan untuk membantu kerajaan dalam merumuskan dasar negara demi kebajikan rakyat yang selaras dengan nilai syariat Islam. Ia juga berfungsi untuk mengawal akidah serta syariat umat Islam dari pemikiran yang menyimpang dari arus utama Ahlus Sunnah Wal Jamaah yang telah ditetapkan sebagai pegangan umat Islam negeri Selangor dalam UUTKS, 1959. Yang lebih penting dalam konteks negeri Selangor, ia berfungsi untuk meredakan perbezaan pendapat di kalangan masyarakat yang berpotensi memecah belah kesatuan umat, persaudaraan Islam, mendedahkan orang Islam kepada informasi keagamaan yang salah, sesat, menyeleweng atau ekstrem yang bersandar kepada sumber tidak jelas.

Institusi fatwa juga menjadi paksi rujukan masyarakat bagi mendapatkan penentuan Hukum Syarak yang tepat, berpandukan sumber sahih daripada para ulama dan pakar syarak yang berautoriti.

<u>Peranan Dan Upaya Tuanku Dalam Memperkasa Institusi Fatwa</u>

Hasrat Tuanku ialah untuk menjadikan Institusi Fatwa Negeri Selangor sebagai sebuah institusi yang berwibawa, dihormati dan dipandang tinggi. Dalam hubungan ini, Tuanku telah menegaskan supaya Institusi Fatwa Negeri Selangor:

a) Bebas sepenuhnya dari sebarang pengaruh politik kepartian

Tuanku mahu supaya peranan utama mentadbir dan menguruskan hal ehwal agama Islam termasuk Institusi Fatwa, diserahkan kepada golongan ulama dan profesional yang bebas dari sebarang pengaruh politik. (The Sun Malaysia, 7/3/2023).

Baginda bertitah supaya pemimpin dan ahli politik menghentikan perbuatan mengeluarkan fatwa secara semberono atau tidak bertanggungjawab demi memelihara perpaduan rakyat di negara ini. (Kosmo Digital, 12/9/2023). Fatwa hanya boleh dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri atau Mufti setelah mendapat perkenan baginda.

Rasionalnya ialah untuk memastikan fatwa yang dikeluarkan adalah tepat dan membawa kebaikan kepada umat Islam diseluruh negara. Pengalaman menunjukkan bahawa fatwa yang dikeluarkan oleh orang-orang politik dan pemimpin mereka berpotensi mencetuskan perbalahan, perpecahan dan dalam kes-kes tertentu keganasan serta melemahkan kekuatan umat dan mewujud keadaan tidak harmoni dalam masyarakat.

Sesungguhnya perpecahan umat Islam akibat perselisihan hukum (feqah) dan lebih-lebih lagi dari segi akidah akan membawa kesan yang amat buruk terhadap kestabilan, kekuatan dan imej agama Islam itu sendiri. Ia akan melahirkan rasa curiga, benci dan runtuhnya semangat persaudaraan (ukhuwah), penularan ajaran menyeleweng, sesat, ekstrem dan menimbulkan fitnah terhadap kesucian agama Islam. Orang bukan Islam akan hilang hormat dan minat untuk mengenali Islam dengan lebih dekat dan mendalam akibat salah faham. Fenomena takut, benci dan prasangka buruk terhadap Islam atau Islamofobia berlaku disebabkan oleh gabungan faktor seperti tindakan kumpulan ekstremis, salah faham tentang ajaran Islam yang sebenar dan persepsi salah oleh media (terutama barat).

Tuanku telah memperluaskan prinsip bahawa hal ehwal agama Islam hendaklah ditadbir dan diuruskan oleh ulama dan profesional ke peringkat persekutuan apabila baginda dan beberapa orang Sultan/Raja Melayu telah mencadangkan kepada kerajaan supaya Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dilantik dari tokoh agama atau profesional bukan politik. Pada hemat Tuanku, ini adalah penting bagi mengelakkan isu agama daripada diheret ke kancah politik sempit dan memudahkan teguran dasar dibuat secara objektif.

Pelantikan bukan ahli politik sebagai menteri agama bermula pada era pentadbiran Perikatan Nasional apabila bekas Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri dilantik sebagai senator dan menteri agama pada tahun 2020 dan diikuti dengan bekas Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Malaysia, Datuk Dr. Mohd Naim Mokhtar pada tahun 2022 dan seterusnya Dr. Zulkifli Hasan pada tahun 2025. Baginda juga menyarankan agar kelayakan akademik berasaskan ijazah Pendidikan Islam perlu dijadikan kriteria utama dalam melantik seorang menteri agama. Adalah diharapkan amalan ini akan diteruskan.

Menangani Kritikan Terhadap Fatwa

Pada masa sekarang terdapat “lambakan fatwa” atau kritikan terhadap fatwa yang dikeluarkan oleh individu, termasuk ahli dan pemimpin politik di media sosial yang berpotensi menimbulkan kekeliruan agama di kalangan masyarakat. Ada individu yang membuat kritikan tersebut tidak mempunyai latar belakang pendidikan syariah atau kelayakan yang mencukupi untuk mengeluarkan pandangan atau membuat fatwa. Isu agama yang sensitif dijadikan bahan “content” demi mendapat tontonan ramai dan menjadi tular, merebak dengan sangat cepat dan meluas kepada orang ramai dalam masa yang singkat sama seperti virus yang menjangkit. Kita sekarang menghadapi fenomena gelombang besar penyelewengan atau pemutarbelitkan ajaran Islam yang sebenar oleh orang yang tidak bertauliah yang jarang beraku sebelum ini.

Ada juga “ulama” atau individu tertentu yang cenderung memberi jawapan ringkas atau “pantas” tanpa memperincikan pendebatan feqah yang mendalam atau bersandar kepada nas-nas yang muktabar dan diiktiraf dalam

jurisprudensi Islam. Keadaan menjadi lebih buruk apabila ia disampaikan dengan cara provokatif dan tidak beradab. Apabila tersilap memberi “fatwa” atau pandangan, mereka mudah memadam hantaran tanpa membuat pembetulan terbuka sewajarnya atau memohon maaf.

Tuanku menzahirkan kebimbangan yang amat mendalam terhadap perbuatan orang yang bukan pakar, termasuk pemimpin-pemimpin politik yang mengeluarkan ‘fatwa’ secara semberono. Tuanku telah mengambil tindakan proaktif dengan bertitah agar umat Islam tidak gopoh mengkritik fatwa, sebaliknya berusaha memahami hujah di sebalik sesuatu fatwa yang telah dikeluarkan demi menjaga kemuliaan agama.

Tuanku memberi amaran keras kepada ahli politik agar memberhentikan amalan mengeluarkan ‘fatwa sendiri’ demi kepentingan politik. Tindakan sedemikian sangat membahayakan perpaduan masyarakat (Buletin TV3, 12/9/2023).

Membetulkan Salah Faham Tentang Proses Pengeluaran Fatwa

Tuanku sering kali bertitah bahawa kritikan, teguran dan perasaan tidak puas hati terhadap pentadbiran hal ehwal agama Islam berbangkit kerana orang ramai tidak faham mengenai dasar atau pelaksanaan dasar yang dibuat oleh institusi atau agensi agama. Tiada penerangan yang lengkap dan jelas dibuat atau penerangan atau penjelasan tersebut dibuat dalam tempoh yang lewat. Tuanku berpandangan kekurangan penerangan yang lengkap mengenai polisi atau tindakan agensi agama merupakan satu kelemahan yang nyata yang boleh menjejaskan kepercayaan orang ramai terhadap institusi agama.

Sejauh mengenai pengeluaran fatwa, ramai orang tidak memahami proses pembuatan atau pengeluaran fatwa. Justeru, Tuanku bertitah agar orang ramai didedahkan dan dijelaskan mengenai prosedur pembuatan/pengeluaran fatwa dan segala salah faham diperbetulkan.

Antara salah faham yang telah dikenal pasti ialah:

a) Fatwa dikatakan pandangan peribadi Mufti seorang sahaja;
b) Fatwa dikatakan dikeluarkan secara melulu tanpa mengambil kira keadaan dan realiti semasa;
c) Institusi fatwa disangka hanya mendengar pandangan ahli agama (secara umumnya mereka dirujuk sebagai “ustaz” atau “lebai”) dan tidak mengambil kira pandangan golongan pakar atau profesional lain. Jawatankuasa Fatwa Negeri disangka sebagai “Kelab Eksklusif” yang sangat tertutup, bersikap memilih dan enggan menerima pendapat dan idea dari luar;
d) Ketidakseragaman beberapa fatwa antara negeri-negeri membuat mereka beranggapan bahawa Hukum Syarak boleh berubah bergantung kepada pihak mana yang mengeluarkannya; dan
e) Fatwa boleh dibuat dalam tempoh yang singkat (satu atau dua hari sahaja).

Bagi menangani masalah ini, Tuanku sendiri telah mengeluarkan kenyataan media yang menjelaskan proses pembuatan fatwa. Setiap fatwa yang dikeluarkan perlu melalui proses yang teratur, teliti dan tidak dilakukan secara sembarangan. Ia melibatkan pengumpulan data, muzakarah pakar, bahthul masali (sesi perbahasan terperinci), perbincangan Jawatankuasa Fatwa Negeri dan perkenan di-Raja sebelum diwartakan (Astro Awani, 19/7/2025).

Seterusnya, Tuanku telah menitahkan supaya proses pembuatan fatwa dijadikan tajuk khusus khutbah Jumaat. Berikutannya, satu khutbah Jumaat bertajuk “Ketelitian Dalam Berfatwa” telah disampaikan di masjid-masjid seluruh negeri Selangor pada 18 Julai 2025.

Khutbah ini menggariskan beberapa faktor utama mengapa institusi fatwa harus mendapat kepercayaan dan sokongan padu masyarakat. (E-Khutbah JAIS, https://e-khutbah.jais.gov.my/). Hebahan komprehensif tidak hanya terhad di mimbar Jumaat, malah disebarkan secara meluas melalui Portal Rasmi Jabatan Mufti Selangor.

Perlu ditekankan bahawa penglibatan dan perkenan langsung daripada Tuanku sebelum sesuatu fatwa diwartakan, memberi keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap proses pembuatan fatwa di negeri Selangor.

Adalah diketahui ramai bahawa Tuanku dalam memberi pertimbangan sama ada sesuatu fatwa wajar diperkenankan, tidak bertindak sebagai “pak turut (rubber stamp)”, iaitu memberi perkenan tanpa mempertimbangkan cadangan fatwa tersebut dengan teliti dan mendapatkan pandangan pihak lain, jika perlu, terutama jika ia melibatkan teknologi sains, medis, dan undang-undang negara.

Satu contoh jelas ialah cadangan pewartaan yoga di negeri Selangor. Pada tahun 2008, Jawatankuasa Muzakarah MKI (Muzakarah MKI) telah mengeluarkan pandangan hukum syarak bahawa yoga adalah haram kerana mengandungi unsur agama Hindu. Tuanku telah mengambil pendirian bahawa fatwa tersebut tidak boleh dikuatkuasakan di Selangor selagi ia tidak dibincangkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dan mendapat perkenan baginda. Baginda menitahkan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor untuk mengkaji aktiviti senaman yoga dengan lebih mendalam dan terperinci bagi menggelakkan keputusan dibuat secara terburu-buru dan tergesa-gesa.

Akhirnya, selepas penelitian dibuat, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor menetapkan bahawa umat Islam di negeri Selangor dibenarkan terlibat dalam aktiviti senaman yoga bagi tujuan kesihatan fizikal, asalkan ia bebas daripada unsur ritual keagamaan Hindu seperti bacaan mantera (chanting dan pemujaan).

Tuanku sering menekankan agar pihak yang mengeluarkan fatwa mesti mempunyai maklumat yang tepat, lengkap, mendalam serta menyeluruh

sebelum sesuatu fatwa dikeluarkan. Begitu juga, dengan kes Festival Bon Odori.

Fatwa Bersifat Dinamik

Tuanku berpendirian bahawa fatwa adalah bersifat dinamik dan mesra perubahan zaman terutamanya dalam hal muamalat dan uruf (adat) yang membolehkan hukum syarak diputuskan mengikut peredaran masa, tempat, keadaan masyarakat serta perkembangan ilmu dan teknologi semasa. Perubahan boleh dibuat jika ia berlaku dalam ruang lingkup fiqah atau ijtihad, terkecuali ia menyentuh prinsip asas akidah, ibadah khusus dan hal perkara yang mempunyai nas yang qat'i (pasti).

Barangkali pendirian Tuanku tersebut bersandar kepada pandangan Imam Ibn Qayyim al-Jawziyyah yang membincangkan tentang prinsip fatwa yang berubah mengikut peredaran masa (lihat Abu Amina Elias, "Ibn Qayyim on Fatwa: Ruling may changes by time, place, condition, September 25, 2014, www.abuaminaelias.com).

Satu lagi pendirian penting Tuanku ialah bahawa matlamat syariat Islam adalah untuk membawa keadilan, maslahah (kebaikan) dan menolak kemudaratan kepada manusia.

Barangkali pendirian Tuanku ini selari dengan teori maqasid Imam Shatibi yang menyatakan bahawa syariat Islam dibina atas dasar keadilan. Al-Shatibi telah menyusun lima perkara asas (*al-Kuliyyah al-Khamsah*) yang wajib dipelihara: agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Pernyataan Imam al-Shatibi yang selalu dinukil berhubung dengan perkara ini ialah:

> "Jika sesuatu teks (nas) digunapakai secara harfiah (literal) sehingga menghasilkan kezaliman, diskriminasi atau kesempitan yang melampau, maka kaedah aplikasi itu telah tersasar daripada kehendak Allah" (Dr. Imran Ahsan Khan Nyazee "The Reconciliation of the Fundamental of Islamic Law, Volume 2, The Objectives of the Shariah, Garnet Publishing).

Penyelarasan Fatwa Antara Negeri-Negeri

Tuanku berpandangan bahawa penyelarasan fatwa di peringkat kebangsaan atau persekutuan adalah penting untuk mengelakkan percanggahan ketara atau konflik antara negeri-negeri dalam menangani isu-isu yang memerlukan penentuan Hukum Syarak. Penyelarasan ini boleh dilakukan melalui Jawatankuasa Muzakarah MKI dan Majlis Raja-Raja. Penyelarasan melalui cara ini tidak menjejaskan kuasa Sultan/Raja di negeri-negeri kerana kuasa mutlak dalam menentukan fatwa tetap berada di bawah perkenan Sultan/Raja setiap negeri. Penyelarasan fatwa boleh membantu menyeragamkan Hukum Syarak tanpa mengambil alih kuasa Sultan/Raja (Malaysia Gazette, 6/10/2022, Peraturan 9 (1) Peraturan-peraturan MKI 2022).

Perbalahan Antara Mufti Dan Ulama Di Khalayak Ramai

Perbalahan antara Mufti di khalayak ramai membawa kesan negatif dan menjejaskan penerimaan masyarakat terhadap institusi fatwa itu sendiri. Apabila hujah agama diperdebatkan secara terbuka dengan nada konfrontasi, ia boleh mengelirukan orang awam, mencetuskan fanatisme kelompok dan membuka ruang fitnah. Masyarakat Islam akan berasa bingung untuk memilih pandangan hukum yang tepat apabila autoriti agama (mufti) bertikai sesama sendiri. Perbalahan terbuka ini mengundang komen-komen negatif, cacian dan salah faham daripada golongan yang tidak mempunyai asas ilmu agama yang kukuh.

Tuanku telah menitahkan supaya perbezaan pendapat antara Mufti dibincangkan di dalam Jawatankuasa Muzakarah dan tidak dibuat secara terbuka untuk menjadi tontonan ramai. Baginda merujuk kepada perbalahan mengenai keputusan Tarekat Naqsyabandi al-Aliyyah pimpinan Sheikh Nazim al-Haqqani yang telah diputuskan di Kuantan, Pahang pada 2020 di mana selepas kajian semula tarekat ini diputuskan boleh diamalkan oleh pengikutnya. Ia tidak wajar dibangkitkan lagi dan dibincangkan secara terbuka.

Pada 28 Ogos 2023, Tuanku telah menitahkan saya mengedarkan buku “The Ethics of Agreement In Islam” oleh Toha Jabir al-Alwani kepada setiap Mufti yang menghadiri Mesyuarat MKI kali ke-69 yang diadakan di Masjid Negeri Selangor, Shah Alam. Tuanku ingin menyampaikan hasrat bahawa sebarang perselisihan antara Mufti-Mufti hendaklah berdasarkan adab dan etika yang telah ditetapkan oleh ajaran Islam.

Pendirian Tuanku Tentang “Kalimah Allah”

Tuanku secara konsisten menegaskan bahawa ‘Kalimah Allah’ adalah kalimah suci umat Islam di negeri ini dan penggunaannya dilarang dalam penerbitan agama Kristian berbahasa Melayu.

‘Kalimah Allah’ khusus merujuk kepada Tuhan Yang Maha Esa dalam akidah Islam dan tidak boleh disamakan atau digunakan selain daripada maksud tersebut.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pernah menghadap Tuanku dan bersetuju agar isu penggunaan ‘Kalimah Allah’ dibawa ke Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) untuk perbincangan lanjut.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI pada 7 Mei 2008 memutuskan bahawa ‘Kalimah Allah’ adalah hak eksklusif umat Islam dan orang bukan Islam dilarang menggunakannya untuk tujuan agama mereka.

Saya secara peribadi terlibat dengan isu ‘Kalimah Allah’ apabila saya menjadi salah seorang panel hakim yang mendengar kes ini di Mahkamah Rayuan

(lihat kes Menteri Dalam Negeri & Ors v Titular Roman Catholic Archbishop of Kuala Lumpur [2013] 8 CLJ 890).

Dalam penghakiman saya, antara lain, saya memutuskan:

(i) penggunaan 'Kalimah Allah' dalam versi bahasa Melayu bagi akhbar The Herald bukanlah satu bahagian yang penting atau integral (essential) dalam amalan dan kepercayaan agama Kristian. Oleh itu, hak penggunaannya tidak dilindungi di bawah jaminan kebebasan beragama dalam Perkara 11 (1) PP;

(ii) tindakan melarang penggunaan kalimah tersebut adalah bertujuan untuk menjaga ketenteraman awam dan mengelakkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat berbilang agama di Malaysia.

(iii) Jika kalimah itu dibiarkan diguna pakai secara meluas dalam penerbitan agama lain, ia berpotensi menggugat sensitiviti umat Islam serta mencetuskan ketegangan kaum.

(iv) Isu terjemahan nama Tuhan Kristian sebagai "Allah" sebenarnya masih didebatkan dengan hangat di kalangan penganut dan cerdik pandai agama Kristian sendiri di seluruh dunia. Oleh itu, tiada konsensus mutlak mengenai isu berkenaan.

(v) Pihak berkuasa atau kerajaan boleh mengawal selia amalan yang tidak menjadi bahagian penting atau integral sesuatu agama demi kepentingan pentadbiran dan undang-undang.

Peranan/Upaya Tuanku Dalam Memartabatkan Undang-Undang Islam

Tuanku amat komited untuk memastikan undang-undang Islam diperkukuh dan dimantapkan seiring dengan peredaran masa dengan tidak mengenepikan sekatan-sekatan yang terdapat dalam PP. Dalam titah ucapan semasa mempengerusikan Mesyuarat MKI kali ke-70 pada 28 Ogos 2023, Tuanku bertitah bahawa terdapat beberapa isu undang-undang yang memerlukan penyelesaian segera demi memperkukuhkan pentadbiran hal ehwal agama Islam di negara ini.

Berhubung dengan isu kompetensi Dewan Undangan Negeri (DUN) membuat dan meluluskan undang-undang syariah, Tuanku menyatakan terdapat beberapa keputusan Mahkamah Persekutuan yang menyentuh bidang kuasa Jawatankuasa Fatwa Negeri untuk membuat fatwa, kompetensi Dewan Undangan Negeri membuat undang-undang syariah dan bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Tuanku merujuk kepada kes-kes SIS Forum (Malaysia) V Kerajaan Negeri Selangor, Majlis Agama Islam Selangor (intervener) [2022] 3 CLJ 399; Iki Putra bin Mubarak v. Kerajaan Negeri Selangor & Anor [2021] 3 CLJ 465 dan Nik Elin Zurina Nik Abdul Rashid & Anor v. Kerajaan Negeri Kelantan [2024] 2 MLJ 140.

Dalam kes SIS Forum, Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang mengisytiharkan fahaman liberalisme dan pluralisme sebagai sesat tidak boleh dikuatkuasakan atau dipakai terhadap pertubuhan Sisters in Islam kerana bidang kuasa agama negeri di bawah PP hanya terhad kepada "orang yang menganut agama Islam" iaitu orang sebenar (natural person) dan bukannya terhadap entiti korporat atau pertubuhan (artificial person) seperti SIS Forum.

Dalam kes Iki Putera, Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa seksyen 28 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 yang memperuntukkan kesalahan persetubuhan bertentangan dengan hukum tabi'i adalah tidak sah dan bertentangan dengan PP kerana pada intipatinya kesalahan ini telah diletakkan di bawah bidang kuasa Persekutuan dan Parlimen telah pun menggubal kesalahan yang sama dalam seksyen 377A dan 377B Kanun Kesiksaan.

Dalam kes Nik Elina, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa 16 daripada peruntukan kesalahan jenayah syariah di bawah Enakmen Kanun Jenayah Syariah (1) Kelantan 2019 adalah batal dan tidak sah kerana DUN Kelantan telah melampaui bidang kuasanya di bawah PP kerana kesalahan-kesalahan itu terjatuh di bawah Senarai Persekutuan.

Tuanku telah menitahkan supaya sebuah Jawatankuasa Khas Mengkaji Kompetensi DUN untuk Menggubal Undang-undang Islam ditubuhkan pada 5 Disember 2023 yang berperanan melihat semua isu yang berbangkit dan membuat syor-syor bagi menyelesaikan isu-isu tersebut kepada MKI dan Majlis Raja-Raja.

Jawatankuasa Khas yang dipengerusikan oleh Tun Dato' Seri Zaki bin Tun Azmi, Mantan Ketua Hakim Negara, telah siap menyediakan laporan untuk dibentangkan kepada MKI. Adalah diharapkan laporan tersebut dapat diambil tindakan susulan segera oleh semua pihak yang berkaitan bagi memastikan perundangan syarak di negara ini dapat berfungsi secara jelas, teratur dan selaras dengan peruntukan PP.

Memperkukuhkan Kedudukan Ahli Sunnah Wal Jamaah Di Negeri Selangor

Tuanku telah memerintahkan supaya UUTKS, 1959 dipinda bagi menjelaskan bahawa agama Islam di negeri Selangor adalah berdasarkan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagaimana yang telah diamalkan dan diikuti di negeri Selangor sejak sekian lama.

Tuanku juga berkenan supaya kuasa untuk menubuhkan Mahkamah Syariah dimasukkan dalam UUTKS, 1959 yang sebelum ini diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Pindaan ini penting kerana terdapat hujah yang menyatakan bahawa kedudukan Mahkamah Syariah adalah lebih rendah daripada Mahkamah Sivil kerana

penubuhannya tidak diperuntukkan dalam undang-undang tertinggi negeri iaitu UUTKN, 1959.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 juga dipinda untuk mewujudkan satu lagi tingkat mahkamah iaitu Mahkamah Utama bagi memperkemas hieraki sistem kehakiman dengan menyediakan lapisan rayuan tertinggi bagi memastikan keadilan yang lebih menyeluruh.

Meningkatkan Kecekapan Sistem Perkhidmatan Mahkamah Syariah

Tuanku amat perihatin tentang kelewatan mahkamah-mahkamah syariah menyelesaikan kes-kes perbicaraan terutama kes-kes tuntutan perceraian, nafkah, harta sepencarian, hadanah dan penyelewengan akidah. Tuanku mahu supaya hakim-hakim syarie mengelakkan sebarang kelewatan yang tidak munasabah bagi menjamin kebajikan dan hak-hak pihak yang berurusan dengan mahkamah syariah terbela (Astro Awani, 9/12/2024).

Semasa saya menjadi Penasihat Undang-undang Negeri Selangor, Tuanku telah memanggil saya mengadap dan melahirkan kebimbangan tentang kelewatan Mahkamah Syariah menyelesaikan kes-kes tuntutan perceraian dan menitahkan saya berunding dengan pihak pengurusan tertinggi Mahkamah Syariah bagi mencari jalan untuk mengatasi masalah ini.
Tuanku secara khusus merujuk kepada kes Aida Melly Tan Mutalib (Aida) yang telah tertangguh selama 8 tahun iaitu dari tahun 1996 apabila tuntutan perceraian difailkan di mahkamah sehingga kes selesai sepenuhnya pada tahun 2003/2004. [[2008] 1 ShLR 85]

Kajian mendapati bahawa antara faktor-faktor yang menyebabkan kelambatan penyelesaian kes di Mahkamah Syariah Selangor pada masa itu ialah:

a) Mahkamah tidak mempunyai sistem pengurusan kes (case management) yang cekap untuk menyatukan kes-kes yang saling berkaitan (misalnya kes induk perceraian dan kes nusyuz yang didengar secara berasingan.
b) Ketidakhadiran pihak-pihak atau peguam semasa prosiding perbicaraan ditetapkan.
c) Tiada Arahan Amalan yang mewajibkan sesuatu kes cerai diselesaikan dalam tempoh masa yang singkat.

Keperhatian dan campur tangan Tuanku dalam hal ini telah menjadi pemangkin (catalyst) dan *impetus* serta dorongan ke arah transformasi besar-besaran dalam sistem perkhidmatan Mahkamah Syariah di negeri Selangor. Penambah baik yang berikut telah dilaksanakan:

a) Penubuhan Sistem Hakam;
b) Pengeluaran Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM); dan
c) Pelantikan Hakim-Hakim Syarie Wanita.

Negeri Selangor adalah negeri pertama di Malaysia yang telah melantik seorang wanita menjadi Ketua Hakim Syarie Negeri. Tuanku telah memberi perkenan untuk melantik YAA Puan Nenny Suhaidah binti Samsudin menjadi Ketua Hakim Syarie Negeri Selangor pada 1 November 2025. Ini merupakan satu sejarah di Malaysia.

Penutup

Peranan dan jasa Tuanku dalam memperkasa dan memartabatkan hal ehwal agama Islam di negeri Selangor khususnya dan di Malaysia amnya adalah amat besar. Ia termasuklah memperkukuh institusi pentadbiran Islam, pemerkasaan agensi agama, memelihara kesucian masjid daripada politik kepartian, mempertahankan akidah dan hak umat Islam (isu kalimah Allah), memperkasa Institusi Zakat, menerap nilai murni dan ihsan dalam masyarakat seperti integriti dan amanah serta konsep ihsan, termasuk menyeru umat Islam menunjukkan kasihan belas terhadap haiwan dan alam sekitar.

Dalam titah-titah ucapan Tuanku, baginda selalu menukil syair-syair daripada Raja Ali Haji Fisabilillah (1727-1784), nenek moyang Tuanku sendiri, seorang hulubalang dan panglima perang berketurunan Bugis-Melayu yang telah mati syahid pada 18 Jun 1784 dalam pertempuran hebat di Teluk Ketapang (Telok Mas, Melaka).

Justeru, adalah sesuai kertas ini diakhiri dengan seloka yang diolah berpandukan pemikiran dan falsafah Raja Ali Haji seperti berikut:

Aduhai sultan muara tahta,

Sultan adil mahkota mulia,

Memegang hukum di dalam kota,

Menjadi benteng umat manusia.

Jika raja lupakan iman,

Rakyat melarat rosaklah zaman,

Agama Islam tiang pedoman,

Wajib dibela sepanjang zaman.

Titah panglima jangan merderhaka,

Tetapi syariat jangan dilupa,

Gunakan kuasa menyekat mungkar,

Barulah daulat tumbur berakar.

Raja itu bayangan Tuhan,
Menegak keadilan menolak kejahatan,
Jika agama tidak dihiraukan,
Runtuhlah negeri hilanglah keberkatan.

Daulat Tuanku
Dirgahayu Tuanku.